

## SPU LANCAR KESIHATAN WANITA

Oleh: Nurhayati Nani

AHAD, 17 MAC - Sekolah Perubatan (SPU) telah mengadakan Kempen Kesihatan Wanita pada Ahad 17 Mac yang lalu di Dewan Kuliah Pusat 1 (DKP1) yang berlangsung selama sehari.

Kempen ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Dato' Kamarudin Dato' Mudin. Kempen Kesihatan Wanita ini bukan sahaja untuk wanita malahan ianya juga untuk lelaki kerana kempen ini memberikan banyak manfaat dan ilmu pengetahuan mengenai penjagaan kesihatan tidak kira wanita mahupun lelaki.

Kempen ini dibawah anjuran SPU dengan kerjasama HELWA Universiti Malaysia Sabah (UMS). Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk memberi kesedaran kepada mahasiswa UMS mengenai pentingnya penjagaan kesihatan wanita dalam kehidupan mereka.

Selain itu kempen bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada wanita dan

lelaki untuk menjaga kesihatan mereka" kata Pengarah Kempen Kesihatan Wanita yang juga merupakan pelajar SPU, Nazrin Izwan Skelchy.

Beliau turut berkata kempen ini bukan sahaja untuk kaum wanita malahan ditujukan juga kepada kaum lelaki kerana kempen ini banyak memberikan maklumat mengenai kesihatan di samping untuk menyambut Hari Wanita Sedunia yang jatuh pada 18 Mac setiap tahun. Semua aktiviti yang dijalankan melalui kempen ini adalah percuma seperti ceramah kesihatan daripada penceramah undangan iaitu Dr Mary Makanjang dan Dr Helen, pemeriksaan payudara untuk kaum wanita, pameran mengenai kesihatan dan derma darah.

Beliau turut berharap agar kempen ini akan terus dijalankan pada masa hadapan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat luar dan khasnya juga kepada mahasiswa UMS untuk menjaga kesihatan.